



**PERATURAN PERMAINAN
PETANQUE DOUBLES**

1. UNDANG – UNDANG PERMAINAN

- 1.1 Pertandingan ini adalah tertakluk kepada Undang – Undang Rasmi Permainan Petanque (Official Rules of the Games of Petanque) yang ditetapkan oleh Federation International de Petanque Et Jeu Provinclal (FIPJP) dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Antara Jabatan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (Inter PTJ).
- 1.2 Sekiranya terdapat perselisihan dari segi pentafsiran peraturan di dalam Bahasa Malaysia, peraturan dalam Bahasa Inggeris akan dirujuk.
- 1.3 Semua bantahan berkaitan dengan perkara teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan atau Teknikal Delegat.
- 1.4 Sebarang keputusan yang dibuat oleh Pengurus Kejohanan atau Teknikal Delegat adalah Muktamad.

2. PENDAFTARAN PEMAIN

- 2.1 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak melebihi tiga (3) beregu sahaja.
- 2.2 Pemain hanya dibenarkan bermain dalam acara dan pasukan yang didaftarkan sahaja.

3. PASUKAN & MASA BERMAIN

- 3.1 Pertandingan akan dijalankan mengikut kaedah sistem permainan bermasa.
- 3.2 Perlawanan dianggap tamat sekiranya terdapat pasukan mencapai mata penuh iaitu tiga belas (13) mata atau tempoh had masa permainan telah selesai iaitu 30 minit. Sekiranya tempoh masa telah tamat, *End* yang sedang berlangsung perlu diteruskan sehingga selesai. Pasukan yang memperoleh skor tertinggi dikira pemenang. Jika skor seri (terikat), tambahan 1 *End* lagi diberikan untuk menentukan pemenang.

4. PAKAIAN/ ALATAN

- 4.1 Pemain dimestikan memakai pakaian seragam pasukan masing masing. Hanya baju berkollar, berseluas *slack/track bottom* dan berkasut sukan sahaja dibenarkan semasa pertandingan.
- 4.2 Pihak pengatur pertandingan berhak untuk tidak membenarkan mana-mana pemain menyertai pertandingan ini sekiranya mereka tidak mematuhi peraturan tersebut.
- 4.3 Pakaian yang tertera nama pasukan masing-masing di bahagian belakang adalah dialu-alukan.
- 4.4 Setiap peserta dibenarkan menggunakan kelengkapan permainan masing-masing, seperti

- boules, pita ukur dan sebagainya.
- 4.5 Boules mestilah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh FIPJP atau Persekutuan Petanque Malaysia.
 - 4.6 Jack pertandingan akan disediakan oleh pihak pengangur dan harus dikembalikan selepas tamat perlawanan
 - 4.7 Pita pengukur bagi tujuan mengukur jarak atau penentuan mata perlu disediakan oleh setiap pemain atau pasukan yang bertanding.
 - 4.8 Pihak pengangur berhak membenarkan perlawanan diteruskan atas budi bicara.

5. SISTEM PERTANDINGAN

- 5.1 Pertandingan akan dijalankan secara kalah keluar dari pusingan awal hingga akhir dengan kiraan 13 mata dan 30 minit permainan.
- 5.2 Permainan hanya dimainkan dalam satu gelenggang sahaja. Untuk balingan jack, balingan adalah sah jika jack berada minimum 50cm dari garis sempadan tepi, dan minimum 1m dari garis sempadan hujung.
- 5.3 Jika balingan didapati tidak sah (selepas 1 cubaan sahaja), jack diserahkan kepada pihak lawan untuk diletakkan ke jarak sah main mengikut pilihannya. Pihak lawan juga boleh undurkan kedudukan gelung ke belakang sehingga jarak maksimum (10m) dapat dimainkan.

6. MENARIK DIRI ATAU MENYERAH KALAH

Sila rujuk Peraturan AM 12.0

7. KELEWATAN

Pasukan yang gagal hadir setelah panggilan perlawanan diumumkan akan didenda 1 mata bagi 5 minit pertama dan 1 mata bagi 5 minit seterusnya sehingga 30 minit. Sekiranya pasukan tersebut gagal hadir dalam tempoh 30 minit, kemenangan 13 – 0 akan diberikan kepada pihak lawan.

8. RINGKASAN PINGAT

KATEGORI	EMAS	PERAK	GANGSA
Beregul Lelaki	1(2)	1(2)	2(4)
Beregul Wanita	1(2)	1(2)	2(4)
JUMLAH	2 (4)	2 (4)	4 (8)